

Rakyat perlu jimat air elak bekalan dicatu

GEORGE TOWN – Kira-kira 1.6 juta rakyat Pulau Pinang diminta mengamalkan sikap berjimat-cermat dalam penggunaan air berikutan bekalan di dua empangan di negeri ini hanya mampu bertahan sehingga Jun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh berkata, komitmen itu penting ekoran fenomena El Nino yang dijangka berlarutan sehingga pertengahan tahun ini telah menjejaskan kapasiti paras air di dua empangan berkenaan.

Menurutnya, paras air di Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam di sini dilaporkan semakin

membimbangkan dan kedua-duanya hanya mampu bertahan sekitar dua dan tiga bulan.

“Semua penduduk perlu menghadapi cabaran ini dan harus menjalani langkah berjimat-cermat dalam penggunaan air semasa. Ini bertujuan bagi mengelak daripada risiko catuan air berlaku.

“Rakyat sedia maklum, takungan air di dua empangan tersebut amat membimbangkan.

“Selain itu, punca utama atau 84 peratus bekalan air Pulau Pinang adalah dari Sungai Muda yang disalurkan melalui 36 sungai kecil dari seluruh Kedah hingga ke selatan Pu-

lau Pinang,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Boon Poh bagaimanapun berkata, hujan yang turun sejak dua hari lalu di negeri ini sekurang-kurangnya dapat menampung semula kadar air di dua empangan yang terlibat.

Kosmo! pada 16 April lalu melaporkan, kapasiti efektif empangan utama di negeri ini mencatatkan bacaan membimbangkan iaitu 59.9 peratus di Empangan Air Itam dan mampu bertahan selama 59 hari.

Sementara itu, Empangan Teluk Bahang mencatatkan bacaan 61.5 peratus dan boleh bertahan sehingga 187 hari.



CUACA panas dan kering berikutan fenomena El Nino menyebabkan paras air di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang mencatat bacaan 61.5 peratus semalam.